

Rumah tradisi Bangkahulu dibina tanpa paku

14 tiang beralas batu didirikan
sebagai paksi bangunan



► Siri akhir

Struktur rumah orang Bangkahulu di Bengkulu, Indonesia sejak dulu lagi dibina di atas tiang tinggi atau dua tingkat untuk mengelak daripada ditenggelami banjir kerana mereka tinggal di kawasan rendah berhampiran sungai.


Begitu juga ketika mereka baru berhijrah ke kampung lama di Gemas pada 1917 di lokasi tanah rendah berhampiran sungai yang selalu dilanda banjir. Struktur rumah sedemikian membuatkan mereka tidak serik untuk tinggal di lokasi rendah berhampiran sumber air.

Namun, selepas banjir besar pada 1957 yang memaksa mereka berpindah ke pemempatan baru sekarang yang terletak di kawasan tinggi, keperluan membina rumah sedemikian tidak timbul lagi.

Kebanyakan rumah gaya moden

Justeru, jika diamati kebanyakan rumah di kampung Bangkahulu berwajah moden dengan gaya rumah banglo setingkat. Tiada lagi gaya rumah tradisional dengan struktur atas tiang.

Mujur ada satu rumah milik Mohd Syarif Silong di Lorong Dua yang masih menerapkan gaya rumah tradisional dan menjadi tumpuan utama mengembalikan nostalgia seni bina orang Bangkahulu di situ.



Kekisi berukir di setiap tingkap.

Kayu jenis res

bertindih, dikenali sebagai susunan sisik tenggiling.

Pada bahagian kepala tingkap, terdapat struktur 'kipas mati' untuk pengudaraan ruang dalam rumah. Setiap panel tingkap yang dibina mempunyai kekisi berukir. Tingkap itu juga dibina tanpa paku dan hanya dipasak. Be- "

generasi kedua masyarakat itu ialah permainan rebana atau gendang, tarian ketera dan gerak tari silat serta tarian pirring.

Rebana atau gendang dalam masyarakat Bangkahulu berasal dari Sumatera selatan. Rebana dibuat secara tradisional menggu-

MISTERI ETNIK

**Azrul Affandi
Sobry**

Wartawan →
azr@bharian.com.my



**Iqmal Haqim
Rosman**

← Jurugambar



Menurut sumber Lembaga Muzium Negeri Sembilan, rumah itu dibina sendiri oleh Mohd Syarif yang juga seorang tukang pada 1959. Ia dibina di kawasan tanah seluas suku ekar yang pada asalnya adalah kawasan hutan tebal.

Setahun bina rumah tradisi

Mohd Syarif mengambil masa setahun untuk menyiapkan rumah itu yang mempunyai dua bilik iaitu satu di bahagian atas dan satu lagi di bahagian bawah. Setiap kepala tingkap mempunyai ukiran yang menambahkan lagi keunikan rumah itu.

Kayu yang digunakan ialah daripada jenis resak yang diambil dari hutan sekitar kampung Bangkahulu. Beliau hanya menggunakan kapak dan gergaji untuk menebang pokok berkenaan dengan bantuan tiga rakannya.

Kayu dibelah untuk dijadikan tiang dan dipasak tanpa menggunakan satu paku pun. Sebanyak 14 tiang yang beralaskan batu didirikan sebagai paksi rumah itu. Dinding rumah pula dibina menggunakan lapisan papan yang disusun melintang dan

gitu juga pintu yang dibina tanpa paku dan berbentuk cembung.

Terdapat loteng di bahagian atas rumah yang berfungsi sebagai tempat penyimpanan barang lama. Bahagian kekuda bumbung dilitupi dengan 'tabir lelangit' yang berfungsi sebagai siling. Bumbung rumah pula menggunakan zink dengan kubah dibentuk pada bahagian rumah ibu.

Tak banyak beza rumah tradisional Melayu

Jika diamati, rumah tradisional orang Bangkahulu di kampung itu tidak banyak berbeza dengan rumah tradisional Melayu lain. Cuma ukiran tertentu membezakannya.

Orang Bangkahulu juga kaya dengan pelbagai aktiviti kebudayaan. Namun, mereka tetap memelihara adab beragama kerana tidak ada tarian mahupun persembahan yang menggabungkan lelaki dan wanita seperti dalam kebanyakan tarian etnik lain.

Elemen kebudayaan paling dipelihara

Orang Bangkahulu juga kaya dengan pelbagai aktiviti kebudayaan.

Namun mereka tetap memelihara adab beragama kerana tidak ada tarian mahupun persembahan yang menggabungkan lelaki dan wanita"

tangan dan kulit pokok kelapa. Masyarakat Bangkahulu percaya kekuatan kulit pokok itu menghasilkan bunyi lebih sedap daripada kulit haiwan.

Katera ditarikan berpasangan

Tarian unik masyarakat Bangkahulu ialah katera yang bersumberkan langkah silat. Tarian itu dipersembahkan dengan iringan rebana. Sekali pandang, nyata kebanyakan gerak dalam tarian ini seperti silat dengan langkah, lompat dan tepuk.

Kebiasaannya katera ditarikan berpasangan sama jantina sambil memegang selendang. Ia dikaitkan sama seperti kuda kepang yang mempunyai semangat tersendiri dan dikatakan penarinya boleh seperti hilang kawalan diri.

Gerak tari silat

Dikatakan, orang Bangkahulu yang berhijrah ke sini adalah mereka yang hebat dalam seni silat. Tidak dapat dikenal pasti



Pelita lama
ini ditemui
di rumah
Mohd Syarif.

Rumah tradisional Bangkahulu milik Mohd Syarif.



B/H 29/10/12 MS 24/25.



ak dijadikan tiang tanpa menggunakan paku.



Bahagian kepala tingkap berstruktur 'kipas mati' untuk pengudaraan ruang dalam rumah.

Benci pertikaian, gemar berpantun

Masyarakat Bengkulu di Indonesia dikatakan sebagai etnik minoriti dalam masyarakat Melayu di Sumatera. Mereka berkulit agak cerah dan bermata sepet mirip Cina peranakan. Ciri ini jelas pada wajah orang Bangkahulu di Gemas.

Melayu Bangkahulu adalah suku bangsa yang bermukim di ibu kota Bengkulu yang mengamalkan budaya sama seperti Melayu lain di Sumatera dan Melaka.

Mereka membenci pertikaian dan jika ada mereka lebih gemar menunjukkannya dengan cara berbalas pantun. Pantun juga digunakan untuk berdendang semasa upacara rasmi seperti kenduri perkahwinan dengan hadirin bersahutsahatan.

Dalam konteks bahasa pula, mereka memiliki beberapa pengucapan kata yang sama dengan Melayu lain seperti Minang, Palembang, Jambi dan Riau terutama loghat dengan akhiran 'o'. Penuturan orang Bangkahulu hampir mirip bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan.

“ Mereka memiliki beberapa pengucapan kata yang sama dengan Melayu lain seperti Minang,

Perbezaan dialek



Tiang beralaskan batu jadi **paksi rumah**.

bagaimana langkah silat asal mereka, tetapi apa yang dipersembahkan kini ialah silat pulut.

Kami dipertontonkan dengan lagak dua warga emas melangkah lemah lembut dalam gerak tari silat di depan pengantin. Bagi mereka yang biasa menonton silat pulut di tempat lain, ia nyata tidak jauh beza. Begitu juga tari piring yang menonjolkan kemahiran penari mengawal piring di tangan, bezanya ia dipersembahkan oleh penari lelaki.



Ruang beranda rumah Bangkahulu.



Gerak tari silat dipersembah di hadapan pengantin.

Palembang, Jambi dan Riau terutama loghat dengan akhiran 'o'. Penuturan orang Bangkahulu hampir mirip bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan"

Perbezaan dialek
Sebenarnya, dalam masyarakat Bangkahulu sendiri mempunyai perbezaan dialek bahasa, bergantung kepada daerah mana asal keturunan mereka. Meskipun mereka sama berdarah Bangkahulu, bahasa kumpulan di Gemas tidak sama dengan mereka di Sungai Choh walaupun masih boleh difahami.

Sebagai contoh, perkataan 'tidak' berbeza

daripada satu daerah ke satu daerah lain. Mereka menyebut 'de' di Kaur; 'dide' di Padang Guci; 'nido' di Serawai; 'ido' di Tais; 'idak' di Kota; 'col' di Tanjung Agung; dan 'coa' di Kapahyang.

Keunikan di Bengkulu ialah nama daerah di sana jika dirangkaikan akan menjadi kalimat untuk menggambarkan atau menceritakan mengenai kota Bengkulu itu sendiri.

Dua ratu di Kota Bengkulu

Contohnya, "Kota Bengkulu itu hebat, kerana ada dua ratu yang tinggal di sana iaitu Ratu Samban dan Ratu Agung. Kota Bengkulu juga kebal kerana di sana ada banyak pondok yang dibuat daripada besi, pintunya batu dan berpagarkan dewa. Di sana ada kebun mawar dan sawahnya lebar semua."

Daripada cerita itu maka ada nama daerah seperti Ratu Agung, Ratu Samban, Pondok Besi, Pintu Batu, Pagar Dewa, Kebun Ros dan Sawah Lebar.